

DATE : 05 JUNE 2013
PUBLICATION : BERITA HARIAN
SECTION : BUSINESS SECTION
HEADLINE : BINA PURI SET TO LAUNCH PROPERTY PROJECT
WORTH RM2.5B IN GDV
CATEGORY : COMPANY NEWS
MEASUREMENT: 211 SQ CMS

Bina Puri lancar projek hartanah nilai GDV RM2.5b

Bina Puri Holdings Bhd akan melancarkan projek hartanah dengan nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah RM2.5 bilion dalam tempoh lima tahun ini dengan sebahagian besarnya di Lembah Klang dan Sabah.

Pengarah Eksekutifnya, Matthew Tee, berkata tempahan kukuh bagi projek yang sedang dilaksanakan bernilai RM1.68 bilion setakat 30 Mei lalu, dan projek yang bakal dilancarkan akan meningkatkan prospek pendapatan kumpulan itu pada masa depan.

Antara projek yang sedang dilaksanakan ialah pembangunan bercampur RIVO City bernilai RM1.29 bilion di Brickfields, iaitu pembangunan perkongsian awam-swasta dengan Syarikat Prasarana Negara Bhd, dan dijangka mula dibina tahun depan.

"Kami sedang memuktamadkan kaedah untuk membiayai pembangunan itu kerana konsep projek ini agak unik dan Prasarana tidak membenarkan kami mengenakan bayaran bagi tanah," katanya pada satu taklimat media di Kuala Lumpur, semalam.

Seorang lagi Pengarah Eksekutifnya, We Her Ching, berkata tanah itu milik Prasarana manakala skop Bina Puri bagi projek itu ialah memajukan, memasarkan dan menjualnya.

Bina laluan baru

"Harga jualan bagi bahagian komersial ialah di antara RM700 dan RM900 bagi setiap kaki persegi. Kami juga merancang untuk membina laluan baru ke kawasan itu dari Lebuhraya Persekutuan sebagai tarikan jualan projek itu," katanya.

Mengenai margin pembinaan, kata Tee, margin syarikat itu sentiasa berada di bawah 10 peratus, kira-kira enam peratus hingga lapan peratus.

"Masa bagi kita meraih projek dirunding secara terus sudah berakhir, terutama selepas pilihan raya umum ke-13," kata beliau.

Di Sabah, projek hartanah dalam perancangan Bina Puri ialah Jesselton View bernilai RM61 juta dan One Jesselton bernilai RM84.6 juta, kedua-duanya di Kota Kinabalu.

BERNAMA

To : Distribution List
From : Corporate Communications Department
Date : 5/6/2013
Subject : **BINA PURI NEWS UPDATE**

***For staff information and update*